

KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS



Bagaimanakah yang dikatakan seseorang pegawai awam berada dalam keterhutangan kewangan yang serius?


Jumlah hutang yang tidak bercagar dan **melebihi 10 kali emolumen bulanannya**. Ini bermaksud **baki gaji akhir adalah kurang daripada 40%**. Oleh yang demikian, pegawai awam **hanya dibenarkan** berhutang 60% daripada emolumen dan mempunyai **baki gaji sekurang-kurangnya 40%**.

Peraturan 12, Jadual Kedua, Bahagian II, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] menyatakan bahawa:

- (1) Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.
- (2) Keterhutangan kewangan yang serius kerana apa-apa jua pun sebab, selain akibat malang yang tidak dapat dielakkan yang tidak disebabkan dengan apa-apa cara oleh pegawai itu sendiri, hendaklah dianggap sebagai **memburukkan nama badan berkanun** dan hendaklah menyebabkan pegawai itu **boleh dikenakan tindakan tatatertib**.



Rancang kewangan anda



Berbelanja mengikut kemampuan

Bahagian Governan dan Integriti
Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia